

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mengendalikan penyelidikan ini. Kajian ini berkaitan dengan penukaran kod, maka pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan. Menurut Trudgill (1974:172), kajian terhadap fenomena perlakuan bahasa di dalam sesuatu komuniti dari aspek sosiolinguistik memerlukan penggunaan methodologi empirikal iaitu kajian lapangan di mana penglibatan diri pengkaji bahasa dalam komuniti bahasa yang dikajinya adalah penting.

Maka pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan seperti membuat rakaman audio dan pemerhatian aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Vivekananda Brickfields, Kuala Lumpur. Penyelidik juga menggunakan borang soal selidik bagi mengumpulkan data. Dalam bab ini, pengkaji juga turut menyatakan prosedur kajian, latar belakang sampel kajian yang meliputi faktor-faktor pemilihan sampel kajian, instrumen kajian (alat-alatan yang digunakan untuk menjalankan kajian ini) , kaedah pungutan, cara mentranskripsikan data dan kaedah menganalisis data.

### **3.2 Prosedur Kajian**

Kajian ini dijalankan setelah mendapat kelulusan daripada pihak Fakulti Bahasa dan Linguistik . Seterusnya, surat kebenaran menjalankan kajian ini ditunjukkan kepada Guru Besar SJK (T) Vivekananda bagi mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah bagi menjalankan kajian. Setelah mendapatkan kebenaraan daripada Guru besar, pengkaji turut mendapatkan kebenaran daripada keenam guru yang dipilih sebagai sampel kajian. Kemudian pengkaji memperolehi jadual persendirian guru-guru tersebut bagi memudahkan pengumpulan maklumat mengikut kesesuaian masa bertugas. Selepas itu, pengkaji meneliti jadual tugas sampel kajian dan memastikan masa yang sesuai untuk membuat rakaman sesi pengajaran dan pembelajaran.

Pengkaji juga memaklumkan dan mendapat kebenaran sampel kajian tersebut sebelum membuat rakaman. Dimaklumkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran akan diperhatikan untuk tujuan pengumpulan data. Tarikh dan masa rakaman tidak dimaklumkan supaya pengkaji boleh mendapatkan data yang tulen secara semula jadi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, pengkaji juga memberi borang soal selidik kepada guru-guru tersebut. Maklumat-maklumat seperti latar belakang sampel kajian, penguasaan bahasa, penggunaan bahasa dalam komunikasi dan kekerapan penggunaan bahasa dapat dikumpul melalui borang soal selidik. Setelah pengkaji mengumpul segala data yang dikehendaki, pengkaji seterusnya menganalisis data-data yang dikumpul mengikut objektif kajian yang ditentukan.

### **3.3 Lokasi**

Lokasi kajiannya adalah di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Vivekananda, Brickfields Kuala Lumpur. Sekolah ini merupakan sebuah sekolah bandar kerana tempat terletaknya adalah di pertengahan bandaraya Kuala Lumpur iaitu Brickfields. Brickfields adalah sebuah bandar yang sibuk dengan mempunyai segala kemudahan asas di sekitar kawasan tersebut. Maka, pelbagai lapisan masyarakat kunjung-mengunjungi bandar ini untuk membeli belah dan ada juga datang untuk makan di gerai-gerai yang tedapat ditepi jalan. Kemudahan dan persekitaran sebegini menarik minat masyarakat terutama kaum India untuk berhijrah ke bandar Brickfields dan menyebabkan bilangan penduduk India meningkat.

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Vivekananda, Brickfields pula terletak di bahagian pertengahan bandar Brickfields. Seramai 22 orang guru mengajar di sekolah ini. Bilangan murid adalah sebanyak 455. Sekolah ini mempunyai segala kemudahan yang diperlukan oleh murid. Tujuan utama sekolah ini dipilih sebagai lokasi kajian adalah kerana terdapat murid-murid dari pelbagai latar belakang di mana ada murid yang datang dari kampung, kawasan setinggan yang ibu bapanya kurang berpendidikan. Ada juga murid datang dari kawasan bandar dan latar belakang keluarganya mewah dan berpendidikan tinggi. Selain itu, sampel kajian yang dipilih adalah guru-guru yang boleh memberi sepenuh kerjasama kepada penyelidik bagi memudahkan proses penyelidikan dilakukan dengan lancar.

### **3.4 Sampel Kajian**

Pengkaji menggunakan enam orang guru yang mengajar mata pelajaran Sains sebagai sampel kajian. Guru-guru ini berkelulusan Diploma Perguruan. Guru-guru yang dipilih sebagai sampel kajian adalah daripada pelbagai jurusan dan mengajar mata pelajaran Sains sebagai mata pelajaran utama dan ada pula yang mengajar sebagai mata pelajaran pilihan. Mereka berumur antara 27 hingga 32 tahun. Guru-guru ini mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 6 tahun supaya mereka mempunyai pendedahan yang luas dalam aktiviti pengajaran. Sampel yang dipilih fasih menggunakan bahasa Tamil, bahasa Inggeris dan juga bahasa Melayu secara lisan mahupun bertulis. Jadual 3.1 menunjukkan latar belakang dan tahap pendidikan bagi sampel yang terlibat dalam kajian ini.

**Jadual 3.1 : Latar belakang pendidikan sampel**

Sampel	Jantina	Latihan Iktisas	Bahasa Komunikasi di sekolah Rendah	Bahasa Komunikasi di sekolah Menengah	Bidang Pengkhususan
A	L	Maktab	Bahasa Tamil	Bahasa Melayu	Bahasa Tamil
B	P	Maktab	Bahasa Tamil	Bahasa Melayu	Bahasa Tamil
C	P	Maktab	Bahasa Tamil	Bahasa Melayu	Bahasa Tamil
D	P	Maktab	Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
E	P	Maktab	Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris
F	L	Maktab	Bahasa Tamil	Bahasa Melayu	Bahasa Tamil

Sampel kajian ini terdiri daripada dua orang guru lelaki dan empat orang guru perempuan. Keenam-enam orang sampel ini fasih dalam bahasa Ibunda iaitu bahasa Tamil. Seperti yang dimaklumkan, kesemua sampel mempunyai tahap kelulusan iktisas pada peringkat maktab. Perbezaan yang terdapat antara keenam-enam orang sampel adalah dari segi bahasa komunikasi di sekolah Rendah dan sekolah Menengah. Sampel A, B, C, dan F menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa komunikasi di sekolah Rendah. Manakala sampel D dan E pula menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi di sekolah Rendah. Di sekolah menengah pula, bahasa komunikasi kesemua sampel adalah bahasa Melayu kecuali sampel D dan E iaitu bahasa Inggeris.

### **3.5 Kajian Rintis**

Pengkaji juga telah menjalankan satu kajian rintis terhadap borang soal selidik. Pengkaji memilih 15 orang guru dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Vivekananda, Brickfields bagi menjalankan kajian rintis ini. Tujuan utama kajian rintis ini dijalankan adalah bagi menguji soalan-soalan dalam borang soal selidik yang dibina dan memastikan adakah soalan-soalan tersebut sesuai untuk mengumpul data bagi memenuhi objektif kajian ini. Setelah menjalankan kajian rintis didapati beberapa soalan tidak sesuai dengan kajian ini. Beberapa soalan yang dikemukakan dalam kajian rintis didapati tidak relevan dengan topik penyelidikan. Ini menyebabkan responden mengalami kesukaran dalam menjawab soalan-soalan tersebut. Maka penyelidik telah membuat beberapa perubahan dalam soalan mengikut kehendak kajian. Soal selidik yang diubahsuai diberikan kepada sampel kajian bagi mendapatkan maklumat tambahan.

### **3.6 Instrumen Kajian**

Dalam usaha mengumpul data bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa alat untuk mendapatkan data penyelidikan. Alat-alat tersebut ialah borang soal selidik dan rakaman audio.

#### **3.6.1 Soal selidik**

Setelah membuat kesemua rakaman proses pengajaran yang dikehendaki, pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada sampel kajian. Penyelidik mengambil format soal selidik dari kajian Gan Kheng Leng (2000) dan diubahsuai mengikut kehendak kajian ini. Borang soal selidik yang diedarkan kepada sampel kajian terdiri daripada 3 bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Dalam bahagian A, 5 soalan dikemukakan bagi mengetahui latar belakang sampel seperti jantina, umur , mata pelajaran yang diajar, tahap pendidikan dan bahasa Ibunda. Sampel dikehendaki menandakan ( / ) pada pernyataan yang sesuai dengan dirinya.

Bahagian B pula, soalan-soalannya meliputi aspek tahap penguasaan bahasa, bahasa komunikasi yang digunakan semasa belajar, penggunaan bahasa di rumah dan di tempat kerja. Manakala bahagian C pula menyoal tentang kekerapan bahasa yang digunakan oleh sampel secara selang seli semasa berinteraksi, faktor-faktor yang mendorong sampel menukar kod dan pandangan sampel mengenai penukaran kod. Item-item soalan bahagian B dan C adalah bertujuan untuk mengetahui serta berkongsi pengalaman responden berkaitan topik kajian ini.

### **3.6.2 Rakaman Audio**

Rakaman audio dibuat dengan menggunakan alat perakam mini MP 4 . Sebelum setiap rakaman dimulakan, pengkaji meletakkan alat perakam tersebut di meja tengah sesuatu kumpulan. Pengkaji duduk di belakang kelas dan memerhati aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan guru dengan murid-murid dirakamkan. Tempoh rakaman aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah lebih kurang 40 hingga 50 minit. Kadangkala aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebanyak 30 minit juga dirakamkan. Rakaman ini dibuat mengikut masa jadual waktu. Sejumlah 8 aktiviti pengajaran dan pembelajaran telah dirakamkan. Gerak balas **non-verbal** yang tidak dapat dikesan melalui rakaman audio juga turut dicatat oleh pengkaji.

### **3.7 Pungutan Data**

Seperti yang dimaklumkan, sebanyak lapan aktiviti pengajaran dan pembelajaran telah dirakamkan. Daripada rakaman tersebut hanya situasi-situasi perbualan yang menunjukkan perlakuan penukaran kod sahaja dipilih untuk tujuan kajian. Kemudian, situasi-situasi ditranskripsikan dan data yang relevan telah dikumpulkan untuk tujuan kajian ini. Data yang kurang jelas tidak akan dipilih. Selain itu, data-data yang telah diperolehi dari responden melalui soal selidik juga dikemaskini dan disusun supaya memudahkan proses penganalisisan data.

### **3.7.1 Mentranskripsikan Data**

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dirakamkan dimainkan beberapa kali untuk ditranskripsikan. Ada pula beberapa tempat dalam rakaman tersebut digunakan bentuk tulisan rumi sewaktu ditranskripsikan. Maka pengkaji telah menggunakan beberapa panduan dalam merumikan ujaran bahasa Tamil mengikut rakaman yang dibuat. Selain itu, pengkaji juga menggunakan simbol-simbol transkripsi yang diperkenakan oleh Schenkeien (1978) dengan merujuk tesis Gan Kheng Leng (2000). Pengkaji telah mengubahsuai simbol-simbol tersebut mengikut kehendak kajian. Jadual 3.2 menunjukkan simbol-simbol yang telah diubahsuai dan digunakan dalam mentranskripkan data .

**Jadual 3.2: Simbol–simbol Transkripsi yang diubah suai.**

<b>Simbol</b>	<b>Fungsi</b>
/	- Berhenti
(.....)	- Berhenti lama
//	- Mencelah
( )	- Senyap
( // )	- Ujaran yang kurang jelas
.....	- Perbualan yang belum selesai
(( ))	- Bunyi yang dipanjangkan
<<<( )	- Perlakuan bukan verbal
( << )	- Keluar topik

### **3.8 Penganalisisan Data**

Maklumat yang dikumpulkan melalui rakaman, soal selidik dan pemerhatian telah dianalisis untuk mengetahui fungsi-fungsi atau strategik penukaran kod serta faktor-faktor yang mempengaruhi penukaran kod dalam kalangan guru-guru sekolah Tamil. Data dianalisis berdasarkan rakaman aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Rujuk jadual 3.3.

**Jadual 3.3 : Rakaman dan Sampel yang terlibat.**

Rakaman / Transkrip	Kelas Rakaman	Sampel yang Terlibat
1	Kelas 1P	A
2	Kelas 1V	B
3	Kelas 2P	C
4	Kelas 2V	C
5	Kelas 3P	B
6	Kelas 4P	D
7	Kelas 5P	E
8	Kelas 5V	F

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak 8 aktiviti pengajaran dan pembelajaran telah dirakamkan. Kelas yang terlibat adalah bermula dari tahun 1 hingga tahun 5. Tahun 6, dikecualikan kerana murid-murid tahun 6, sibuk mengulangkaji untuk peperiksaan UPSR. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran dalam tahun 6 berdasarkan kepada pemeriksaan

dan perbincangan. Maka, penyelidik hanya menumpukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kelas–kelas yang lain dan membuat rakaman.

Seterusnya, rakaman yang telah ditranskripsikan dianalisis bagi melihat peringkat penukaran kod yang kerap berlaku sama ada di peringkat kata, frasa, klausa atau ayat. Data yang diperoleh dari soal selidik telah diproses melalui kaedah kuantitatif dengan menggunakan perisian SPSS. Kaedah Statistik deskriptif seperti kekerapan, peratus, pangkatan dan min juga digunakan dalam penganalisisan data kajian.

### **3.8.1 Kaedah Kuantitatif**

Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dalam mengkaji peringkat berlakunya penukaran kod oleh guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Vivekananda, Brickfields Kuala Lumpur. Bagi mencari peratus kekerapan mengikut peringkat penukaran kod, pengkaji terlebih dahulu mengenal pasti ayat-ayat penukaran kod dalam data. Kemudian, penyelidik menyenaraikan semua ujaran yang ditukar kod mengikut peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat. Kemudian pengkaji menjumlahkan ujaran–ujaran yang menukar kod mengikut peringkat. Seterusnya, penyelidik mencari peratus penukaran kod pada peringkat perkataan, frasa, klausa dan ayat.

### **3.8.2    Kaedah Kualitatif**

Kajian ini juga menggunakan kaedah deskriptif dengan analisis bentuk kaedah kualitatif. Kaedah ini digunakan bagi menghuraikan faktor-faktor yang menyebabkan guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Vivekananda, Brickfields melakukan penukaran kod dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji juga menggunakan fungsi-fungsi wacana bilik darjah yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji dari dalam dan luar negara sebagai garis panduan bagi melancarkan proses penganalisisan data.

### **3.9    Bahan-bahan Lain**

Penyelidik juga menjalankan kajian perpustakaan untuk mendapat maklumat tambahan mengenai kajian-kajian yang berkaitan dengan penukaran kod. Penyelidik menggunakan buku-buku, tesis-tesis, jurnal-jurnal, artikel-artikel, surat khabar dan juga laman web yang berkaitan dengan fenomena penukaran kod. Maklumat yang diperolehi membantu penyelidik memahami secara menyeluruh tentang fenomena penukaran kod. Selain itu, berdasarkan pendapatan kajian oleh pengkaji luar negara dan dalam negara; penyelidik juga dapat menggunakan fungsi-fungsi penukaran kod yang ditemui oleh mereka bagi mengesan data penyelidik samada fungsi-fungsi tersebut turut terdapat dalam data kajian atau tidak.

### **3.10 Kesimpulan**

Dalam bab ini, pengkaji telah menyatakan prosedur kajian, sampel kajian dan instrumen kajian iaitu alat-alat yang digunakan untuk mengumpul data seperti rakaman dan borang soal selidik. Latar belakang sampel kajian juga telah dibincangkan dalam bab ini. Selain itu, pengkaji juga menerangkan serba sedikit tentang cara-cara punggutan data dan penganalisisan data yang melibatkan dua kaedah yang utama iaitu kaedah Kualitatif dan kaedah Kuantitatif. Bab seterusnya akan menerangkan penganalisisan data secara terperinci dengan contoh-contoh yang relevan.